

20 SEP 1998
Anwar-tahan
POLIS TAHAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan oleh polis di rumahnya malam ini, menurut peguam-peguamnya.

Anwar dilihat diiringi oleh pegawai-pegawai polis keluar dari rumahnya di Bukit Damansara di sini dan dibawa pergi dengan sebuah van.

Peguam-peguamnya Zainur Zakaria dan Christopher Fernando memberitahu pemberita bahawa Anwar dijangka menghadapi tuduhan salahlaku seksual.

Semalam, adik angkatnya dan bekas penulis ucapannya mengaku salah di mahkamah kerana membenarkan Anwar meliwat mereka.

Anwar dilihat mendukung seorang daridapa anaknya sebelum dibawa keluar dari rumah tanpa digari ketika beribu penyokongnya melaungkan: "Reformasi".

Beberapa jam sebelum itu beliau berucap kepada perkumpulan besar penyokongnya di Masjid Negara dan sebahagian daripada kumpulan itu kemudiannya berarak ke kediaman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi disuraikan oleh polis anti rusuhan.

Seorang lagi peguamnya, Pawancheek Marican, berkata Anwar telah ditangkap di bawah Seksyen 377D Kanun Keseksan mengenai hubungan liwat.

Beliau sempat bercakap kepada penyokongnya.

"Peguam-peguam Anwar terkilan dengan cara penangkapan Anwar sebab kami sudah menghantar surat kepada Peguam Negara menyatakan kalau hendak tangkap Anwar, beritahu, kerana mereka (peguam-peguamnya) boleh bawa Anwar (kepada polis)," kata Pawancheek.

Polis tiba di rumah Anwar pada pukul 9 malam.

Pawancheek berkata Anwar diberi masa satu jam untuk mengambil baju dan berjumpa anak-anaknya, keluarga dan kemudian untuk makan malam.

"Saya tak tahu ke mana Anwar dibawa tetapi polis ada beritahu Anwar akan didakwa di mahkamah esok," katanya.

Pawancheek berkata beliau tidak mengetahui setakat ini di mahkamah mana Anwar akan didakwa.

"Sebab itu tiga lagi peguam Anwar Christopher Fernando, Zainur Zakaria dan Sulaiman Abdullah mengekori Anwar untuk mendapat maklumat lanjut.

"Penyokong-penyokongnya sekarang menunggu kepulangan peguam-peguam itu untuk mendapatkan maklumat. Sementara itu, penyokong Anwar di sini nasihatkan supaya jangan membuat kacau." katanya.

Kemudiannya, Pawancheek memberitahu pemberita bahawa Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim, salah seorang penyokong kuat Anwar, juga ditahan polis terdahulu daripada Anwar.

Anwar dipecat daripada kerajaan pada 2 Sept di atas dakwaan-dakwaan salahlaku seksual dan memecah rahsia negara tetapi beliau berulang kali menafikan tuduhan-tuduhan itu, dengan berkata beliau adalah mangsa satu konspirasi untuk menjatuhkannya.

Sejak itu, beliau telah, mengadakan ceramah hampir setiap hari untuk membantah yang dihadiri oleh beribu-beribu penyokongnya di beberapa tempat di negara ini menggesa supaya diadakan reformasi politik, dan menjadikan "reformasi" sebagai laungan perjuangannya.

Awal hari ini, beliau membawa bantahannya itu ke Masjid Negara di mana beliau berucap kepada perkumpulan yang besar dan sekali lagi meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berundur.

Perhimpunan itu kemudiannya berarak ke Dataran Merdeka dan sebahagian daripada mereka menuju ke arah kediaman Perdana Menteri di Jalan Damansara tetapi disekat oleh polis anti rusuhan yang menggunakan meriam air dan gas

pemedih mata untuk menyuraikan mereka.

Drama itu kemudiannya berpindah ke kediaman Anwar di Bukit Damansara di mana beribu penyokongnya telah berkumpul sehingga berita penahanan beliau disahkan oleh peguam-peguamnya.

Lewat malam ini, isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, muncul dari dalam rumah mereka untuk berucap kepada penyokong Anwar yang masih berkumpul di situ.

"Saya bersyukur suami saya ditangkap sebagai seorang wira," katanya.

Menurutnya, Anwar dibawa pergi oleh polis bersama beliau dan anggota keluarga yang lain dengan menaiki sebuah van, sebelum Anwar dipindah ke dalam kenderaan lain tidak lama kemudian.

Azizah berkata beliau dan beberapa peguam mengekori kenderaan itu hingga ke Ibupejabat polis Bukit Aman.

Beliau mengesahkan Anwar berada di Bukit Aman untuk disoal siasat, tetapi beliau dan para peguamnya tidak dibenar bertemu suaminya.

"Selepas beberapa ketika di Bukit Aman, Datuk Jamil Johari (Pengarah Pengurusan Polis) menemui saya dan memberi jaminan bahawa polis akan bertindak secara profesional dan Anwar akan diberi layanan yang baik.

Dr Wan Azizah berkata beliau merayu supaya keadilan diberikan kepada suaminya.

Beliau berkata, pada satu perhimpunan di Batu Pahat malam tadi, Anwar telah bersumpah dengan nama Allah bahawa beliau tidak melakukan perbuatan liwat seperti dalam tuduhan yang dikenakan ke atas dua lelaki di mahkamah Sabtu lepas.

Adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan penulis ucapannya Dr Munawar Anees, dihukum penjara enam bulan setiap seorang oleh Mahkamah Sesyen kerana membenarkan diri mereka diliwat oleh Anwar.

" Suami saya bersumpah sebab tuduhan itu telah dibuat secara spesifik. Sebab itu dia bersumpah dia tidak melakukannya," kata Dr Wan Azizah.

" Saya percaya suami saya tidak bersalah," tambah beliau.

Katanya beliau juga meminta polis supaya memberi Anwar makanan malam kerana Anwar belum makan sewaktu ditangkap.

Beliau meminta para penyokong suaminya supaya bersurai, sambil menggesa mereka bersembahyang hajat kerana menurutnya, tidak banyak yang boleh mereka lakukan.

Sebelum mengakhiri ucapannya yang diselang-seli antara Bahasa Malaysia and Bahasa Inggeris, Dr Wan Azizah berikrar untuk terus berjuang menegak keadilan selagi ada hayat.

Berada di sisi beliau ialah bapanya Datuk Dr Wan Ismail dan Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr Syed Husin Ali.

--BERNAMA

AZZ AU WAT